

# Peribahasa Arab

(diterjemah dan dikumpul oleh: A. M.)

## 1. Apabila engkau teringatkan serigala. Maka

**sediakanlah tongkat:**

### Huraiannya

Seorang pelajar yang selalu melalaikan pelajarannya, hingga pada sesuatu ketika ia teringat bahawa hari peperiksaannya di sekolah telah hampir tiba. Kalau pelajar itu lekas insaf akan kelalaiannya itu, maka ia dengan tidak berlengah-lengah lagi terus bersedia dari sekarang membaca segala pelajaran sekolahnya untuk menghadapi hari peperiksaannya itu.

Seorang muda yang sedang asyik dengan kemudaannya menghabiskan waktu, menghamburkan wang ringgit dengan sesia, hingga pada suatu hari ia teringat akan hari tuanya kelak. Kalau pemuda itu lekas insaf akan kesalahan dirinya, maka mulai dari sekarang ia akan lebih berhati-hati menggunakan masa dan harta bendanya supaya tidak habis dengan sesia untuk dijadikan bekalan menghadapi zaman tuanya.

Kedua-dua contoh di atas adalah gambaran atau tujuan yang dimaksudkan oleh peribahasa di atas; setiap pelajar memang mengibaratkan hari peperiksaan sekolah itu sebagai seekor serigala ganas yang akan menerkamnya, terutama kalau pelajar itu seorang yang selalu melalaikan pelajarannya, ia sentiasa berasa takut dan gentar menghadapi hari peperiksaan itu. Begitu pula halnya dengan seorang pemuda yang sedang asyik hidup mewah dengan hari mudanya, menganggap bahawa hari tuanya adalah sebagai seekor serigala buas yang akan mengancam ketenteraman hidupnya.

Lekas menginsafi akan kelalaian diri dan cepat

menyedari kesilapan hidup di zaman yang lampau, adalah merupakan sebatang tongkat yang sedia tercengkam di tangan pelajar atau pemuda yang telah menyedari akan kesilapan masing-masing, untuk memalu serigala yang akan menerkamnya. Peribahasa ini hampir-hampir tepat dengan maksud sebuah pepatah Melayu yang berbunyi: “Sebelum hujan sediakan payung.”

## 2. Apabila helang pemburu itu sudah tua, maka

**cabutlah bulunya!:**

### Huraiannya

Menurut adat kebiasaan orang-orang Arab Badwi yang tinggal jauh di desa-desa, mereka selalu menggunakan burung-burung helang untuk memburu binatang. Burung-burung helang itu sama pentingnya dengan anjing-anjing pemburuan yang berada di zaman *modern* ini. Burung-burung helang itu dilepaskan terbang untuk mengejar binatang-binatang buruan; tugasnya ialah mematak dan mengeluarkan biji mata binatang-binatang yang diburunya itu supaya ia menjadi buta dan tidak dapat melarikan diri. Setelah binatang-binatang buruan itu tidak berdaya lagi melarikan diri, barulah si pemburu datang menembak atau pun menyembelihnya.

Burung-burung helang buruan itu sama keadaannya dengan manusia dan makhluk-makhluk yang lain, pada suatu masa ia akan menjadi tua dan tak berdaya lagi untuk bekerja menunaikan kewajipan sehari-hari; pada ketika itu ia sudah menjadi sesuatu benda yang tidak berguna lagi kepada tuannya, selain daripada bulunya dicabut untuk

dibuat kalam menulis atau pun dijadikan kipas.

Begitulah halnya manusia selalu tidak menghormati akan barang sesuatu yang tidak berguna lagi kepadanya; meskipun pada mulanya barang itu mendatangkan faedah yang yang besar kepadanya. Pohon-pohon kayu kalau sudah tidak mengeluarkan buah lagi, ia akan ditebang oleh manusia. Batangnya diambil dijadikan tiang-tiang rumah, dahan-dahan dan rantingnya dipotong-potong dijadikan kayu api.

Begitulah pula halnya dengan seorang raja atau ketua negara yang memerintah sesuatu negeri, kalau mereka sudah dianggap tidak mendatangkan faedah lagi kepada negara dan rakyat dengan sebab melakukan kezaliman atau pengkhianatan, maka mereka haruslah disingkirkan sahaja.

### **3. Bohongilah perasaan jiwamu. Ketika kamu berkata-kata dengannya!:**

Ketika seseorang itu berazam hendak melakukan sesuatu pekerjaan, maka timbullah berbagai-bagai perasaan dari jiwanya; diantara perasaan itu ialah takut atau bimbang kalau-kalau cita-citanya itu tidak berjaya.

Apabila ia bercita-cita hendak mengembara keluar negeri, maka timbullah di jiwanya perasaan takut akan bahaya-bahaya yang datang menimpanya dalam masa pengembaraan itu, belum apa-apa ia sendiri merasakan bahawa dirinya akan menemui kegagalan dalam pengembaraannya itu.

Apabila ia bercita-cita hendak membina sebuah rumah di tepi pantai, maka tergambarlah di dalam jiwanya akan perasaan bimbang kalau-kalau rumah itu nanti akan runtuh dipukul oleh ribut laut atau akan terbakar dipanah oleh petir, alangkah ruginya ia?

Apabila ia bercita-cita hendak mendirikan sebuah kilang perusahaan, maka terbayanglah di dalam perasaan jiwanya *mushkilah-mushkilah* kaum buruh yang meminta kenaikan gaji dan

*mushkilah* kemerosotan pasaran yang membawakan perusahaan kilangnya itu akan menghadapi kerugian yang besar.

Apabila ia bercita-cita hendak menjadi seorang penganjur bagi memperbaiki taraf kedudukan masyarakat bangsanya, maka tergambarlah di fikirannya perasaan takut akan serangan-serangan dan kecaman-kecaman yang datang dari orang-orang yang menentanginya atau amaran-amaran yang datang dari pihak kerajaan sehingga terbayanglah dihadapan matanya pintu-pintu penjara yang mana ia akan dimasukkan ke dalamnya.

Kesemua gambaran perasaan yang menghalang cita-cita saudara itulah yang dinamakan bisikan jiwa semula jadi. Oleh itu sewaktu saudara bercita-cita hendak melakukan sesuatu pekerjaan maka berkatalah kepada jiwa saudara bahawa segala desas desus penghalang cita-cita yang dibisikkannya ke dalam hati saudara itu adalah bohong dan dusta semata-mata. Dengan membohongi perasaan atau bisikan jiwa saudara itu saudara akan berjaya melakukan sesuatu cita-cita.

### **4. Kalau engkau angin maka engkau akan bertemu dengan ribut:**

#### **Huraiannya**

Kalau kekuatan saudara merupakan segumpal angin yang hanya sanggup menerbangkan debu halus di udara, menggoncangkan pohon-pohon kayu yang kerdil di pergunungan dan melayarkan sampan-sampan yang kecil di permukaan air, maka jangan saudara bermegah-megah dengan kekuatan saudara yang hanya sedikit itu . . . nun di sana! Ada sejenis angin yang dinamakan ribut yang mempunyai kekuasaan raksaksa<sup>1</sup> boleh mencabut pohon-pohon kayu yang besar hingga ke akar umbinya, menenggelamkan bahtera dan kapal-kapal yang besar ke dasar lautan yang dalam . . . begitulah seterusnya setiap kekuatan itu akan diatasi oleh kekuatan yang lain yang lebih gagah dan

<sup>1</sup> Ejaan yang sebenarnya ialah raksasa

lebih perkasa daripada kekuatan yang pertama.

Peribahasa di atas bolehlah dimaksudkan dengan seorang yang terkenal bijak dan pandai mengeluarkan kata-kata yang berhikmah sewaktu ia berdebat dengan lawannya. Dia tak boleh menyangka akan dirinya bahawa ia adalah satu-satunya manusia yang bijak dan pandai mengeluarkan hujah di dalam satu-satu perdebatan. Dia mesti ingat bahawa pada suatu masa yang lain ia akan bertemu dengan seorang manusia yang lebih pintar dan lebih bijak daripadanya hingga dapat menindas segala hujah dan dalil-dalil yang dibawanya.

Begitulah pula kalau seseorang itu diberi kekuatan oleh Tuhan, maka janganlah hendaknya ia menyangka bahawa dirinya itu adalah seorang yang paling kuat di dalam dunia ini, tak dapat tidak pada suatu masa nanti ia akan bertemu dengan seorang manusia lain yang lebih kuat dan lebih gagah daripadanya.

Setiap manusia mesti ingat bahawa kekuatan Allah itu adalah mengatasi segala kekuatan.

#### **5. Engkau tidak akan memetik dari pohon yang berduri akan buah anggur:**

##### **Huraiannya**

Kalau seseorang itu menyemai dan menanam benih biji anggur, maka pokok anggurlah yang akan tumbuh dan buah anggurlah yang akan dipetiknyanya nanti. Saudara tidak akan memetik buah anggur dari sebatang pokok yang berduri, kerana pokok anggur itu tidak berduri.

Begitulah tiap-tiap sesuatu itu kembali kepada asalnya. Saudara jangan mengharapkan sesuatu daripada musuh-musuh saudara itu selain daripada kejahatan, meskipun musuh-musuh saudara itu melakukan sesuatu kebaikan terhadap saudara, maka sikap kebaikannya

itu adalah dilakukannya dengan secara berpura-pura – ada undang disebalik batu – kata pepatah orang tua-tua.

Seorang manusia yang bersifat zalim itu tidak ada tersemat di dalam jiwanya perasaan belas kasihan terhadap orang yang dizaliminya; malahan jiwanya sentiasa diselaputi dengan perasaan hasad, dengki dan kejam.

Adapun orang-orang yang bersifat ihsan dan mempunyai akhlak dan budi pekerti yang tinggi mulia, di dalam jiwanya sentiasa membuahakan perasaan kasih sayang dan kasihan belas terhadap sesama manusia, terutaman terhadap manusia-manusia yang hidup menderita.

Begitu pula halnya dengan seorang yang mencuaikan pendidikan terhadap anak-anaknya pada masa kecil, pada ketika besar nanti anak-anak itu akan berkelakuan biadab terhadap kedua ibu bapanya. Tetapi kalau ia mendidik anak-anaknya itu dengan pendidikan yang baik dan sempurna, maka ia akan merasa bangga melihat kelakuan baik dan budi bahasa yang tinggi mulia yang timbul dari jiwa anak-anak itu.

Maksud peribahasa di atas hampir-hampir tepat dengan sebuah pepatah Melayu yang berbunyi: **“Kalau benih yang baik itu dicampakkan ke dasar lautan ia akan menumbuhkan sebuah pulau”**.

---

Berhati-hatilah mengajak orang yang rendah jiwanya menjadi sahabat, kerana keadaan sikapnya selalu mengatakan setiap keburukan orang lain dan selalu mengingkari perkara-perkara yang baik. Orang yang berjiwa murni itu walaupun kelakuannya kelihatan meragukan, tetapi hatinya tetap bersih dan mulia.

**“Imam Shafi‘r”**